

Rasa Kemanusiaan Dari Islam

Richard dan Seorang Doktor

Oleh Ahmad Badri Farid

Suatu masa Salahuddin al-Ayyubi telah mengutus seorang doktor peribadinya untuk mengubati Raja Inggeris

- Richard – yang sedang mengidap demam panas yang teruk.

Ketika doktor itu sampai ke rumah tempat kediaman

Richard, ia segera disoal oleh penjaga rumah itu:

Penjaga: - Apakah maksud tuan datang ke sini?

Doktor: - Saya datang ke sini ialah dengan maksud

untuk menemui raja kamu, izinkanlah sekarang

saya mengadapnya.

Penjaga: - Dia sekarang sedang tidur, saya tidak

boleh menjagakannya, apakah maksud engkau ke sini?

Doktor: - Bahawa saya telah diutus oleh Sultan

Salahuddin supaya menolong mengubati raja kamu.

Penjaga: - Adakah doktor dari pihak seteru akan

menyembuhkan penyakit raja kami? Kembalilah wahai

doktor dengan selamatnya! Jika Salahuddin datang

sendiri pun, raja tidak akan bangun, maka

bagaimana pula saya akan menjagakannya kerana kedatangan

utusannya saja?

Doktor: - Wahai penjaga! Saya tahu bahawa bangsa

kami tidak mempunyai kelemahan apa-apa untuk berperang

dengan kamu. Tetapi mereka adalah mempunyai akhlak

yang tinggi, mereka berkehendak memberi manfaat kepada

kamu dan menyembuhkan penyakit raja kamu, maka

masuklah kamu beri tahu kepadanya dan meminta

izin untuk dapat menemuinya. Mudah-mudahan

saya dapat menyembuhkan sakitnya. Sungguh

ajaib bahawa saya berkehendak untuk menyembuhkan

sakit raja kamu, sedang kamu pula tiada

berkehendak. Demikian itu adalah suatu kemaluan

besar atas kamu dan menunjukkan kamu tersangat

takut. Kalau begini kamu sebenarnya bukanlah orang

yang layak mempunyai nikmat. Sesungguhnya saya akan

bersalah besar kepada raja Salahuddin kerana

dia yang mengutus saya kepada kamu.

Penjaga: - Kami tidak takut di atas diri-diri kami.

Tetapi kami takut atas raja kami lebih besar dari

ketakutan kami kepada ketua-ketua kami.

(Dalam percakapan yang demikian tiba-tiba didengar oleh

Richard dan dia pun terus bersuara)

Richard: - Siapakah dia orang yang bercakap-cakap itu?

Adakah engkau berkehendak menjaga aku dari tidur

supaya sakitku lebih mengazab?

Penjaga: - Tuanku! Di sini seorang doktor yang

SUDAH TERBIT!

PERSURATAN MELAYU

PUIISI II

Harga \$6.00

Pesan kepada:-

QALAM,

356 & 358, Geylang Road,

Singapore, 14.

diutus oleh Sultan Salahuddin kepada Tuanku.

Dia telah lama tiba di sini meminta untuk menjumpai

Tuanku. Tetapi saya telah menegah dia dari

masuk.

Richard: - Adakah mengutus kepada aku oleh Salahuddin, kemudian kamu hendak menegahnyanya dari masuk! Masuklah wahai tuan doktor! Sesungguhnya telah datang kepada aku dari Sultan kamu maruah dan kemuliaan. Baginya patut mempunyai segala kemuliaan. Dan patut pula bagi utusannya kemuliaan!

Engkau hendak menyembuh sakitku, sedang engkau doktor seteruku yang besar. Adakah pekerjaan ini pernah dilakukan oleh raja-raja dahulunya? Sudahkah pernah maruah mereka sebegini? Tetapi siapa pula yang akan menjamin aku bahawa engkau adalah orang yang benar seperti dakwaanmu?

Doktor: - Dua cerpu kaki saya menjamin bagi Tuan! Saya adalah seteru Tuan. Tuan takut akan saya dan saya takut akan Tuan. Tentunya Tuan tahu bahawa Tuanku Salahuddin orang yang benar dan tidak pernah berdusta. Dia tidak pula takut untuk membunuh tuan. Tetapi dia tidak berkehendak memberi minum racun kepada Tuan. Dia berkehendak menyembuh sakit Tuan, supaya dia dapat melawan Tuan di dalam medan. Dia merasa dukacita jika Tuan mati di atas tilam tidur Tuan dan tidak mati di medan peperangan – mati sebagai seorang pahlawan.

Richard: - Benar perkataan engkau wahai doktor! Demikian itu yang dikata Sultan kamu. Marilah dan

ubatilah bagaimana yang kamu kehendaki. Hanya kamu jangan menjadi orang yang meracuni Raja!

(Richard berpesan kepada penjaganya)

Richard: - Apabila aku sembuh aku akan muliakan lelaki ini, dan kalau aku mati jangan engkau menuntut apa-apa pembelaan kepadanya terhadap darahku. (Kemudian doktor itu pun menyuruh penjaga itu membawa ubat kepada Richard)

Doktor: - Minumlah akan ubat yang di dalam gelas itu, sesungguhnya Allah dapat menyembuhkan, segala penyakit!

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah sudah siap

Sejarah Ringkas

Muhammad

Ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam

(huruf jawi)

Disusun oleh Edrus. Sejarah

ringkas junjungan kita Muhammad (S.A.W) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.

Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

Senaskah \$1.20

Pos 10 sen

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM

356/368, GEYLANG ROAD

SINGAPORE 14.